

INFO@HEPA

KARNIVAL IMT-GT 10TH DI UNIVERSITAS SUMATERA UTARA MEDAN INDONESIA

Bersempena Karnival Sukan 10TH IMT-GT yang telah berlangsung pada 27 Januari hingga 30 Januari 2008 bertempat di Universitas Sumatera Utara (USU) Medan Indonesia. Penyertaan Kontingen UniMAP pada kali ini adalah seramai 90 orang termasuk 36 orang atlet yang terdiri daripada pemain bola sepak, badminton dan bola keranjang. Selain itu, kontingen UniMAP juga terdiri daripada 23 orang pelajar tarian dan pemain alat muzik serta 5 orang pelajar yang terlibat dengan seminar. Kontingen UniMAP juga terdiri daripada 26 orang kakitangan yang membantu dari segi teknikal semasa berada di USU.

Nasib tidak menyebelahi para atlet UniMAP apabila ketiga-ketiga acara sukan hanya berjaya di peringkat kumpulan walaupun gerak tangkas para atlet UniMAP memberangsangkan dan memuaskan. Kumpulan Kebudayaan UniMAP juga mempersembahkan beberapa tarian dan UniMAP adalah satu-satunya Universiti Malaysia yang mempersembahkan tarian tradisional dari Sabah dan Sarawak selain daripada tarian tradisional Melayu. IMT-GT Varsity Carnival tidak hanya tertumpu kepada bidang sukan dan kebudayaan semata-mata tetapi di dalam bidang akademik. Ahli Majlis Perwakilan Pelajar turut serta dalam karnival ini dan melontarkan pendapat-pendapat yang bernas dalam sesi pembentangan semasa seminar karnival dijalankan.

Y. Bhg. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin bin Hussin Naib Canselor UniMAP juga telah dipilih oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sebagai ketua kontingen Malaysia sempena 10TH IMT-GT di Universitas Sumatera Utara. Ini menunjukkan kewibawaan Y. Bhg. Dato' bukan sahaja dikagumi di peringkat universiti tetapi kebangsaan.

